

TARIKH : 12 MAC 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16

## Budaya 'ali bangla' saingan perniagaan



RAFIZI ketika sesi soal jawab Pertanyaan-Pertanyaan Jawab Lisan, semalam.

**DULU BURUH KASAR KINI MAHU JADI PENGUSAHA**

# Budaya 'ali bangla' saingan perniagaan

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid  
khairil.ashraf@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**A**hli Parlimen Paya Besar dari Barisan Nasional (BN) Datuk Mohd Shahrar Abdulah menyatakan negara ini bukan hanya berdepan dengan isu 'ali baba' dalam perniagaan tetapi juga membabitkan 'ali bangla'.

Beliau berkata, persaingan dalam perniagaan itu bukan hanya membabitkan sesama rakyat Malaysia tetapi bersaing dengan mereka yang bukan warganegara.

"Dahulunya mereka berkinjung hanya sebagai buruh kasar tetapi sekarang ini mereka berusaha menjadi pengusaha.

"Apabila mereka jadi syarikat, jadi pengusaha, kita hantar anak-anak kita untuk TVET (Pendidikan

Teknikal dan Pendidikan Vokasional) tetapi akhirnya kerja-kerja separa mahir ini diambil oleh mereka.

"Sudah pasti budaya 'ali bangla' ini akan menjadi dominasi," katanya ketika bertanyakan soalan tambahan di Dewan Rakyat di sini, semalam.

**Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli** kemudiannya ketika menjawab berkata, pihaknya sedang mengambil perhatian mengenai perkara itu.

Menurutnya, pihaknya komited untuk mengurangkan jumlah pekerja dan pendatang asing tidak berkemahiran dalam negara ini.

"Kalau kita terus ada antara tiga hingga 3.5 juta pekerja asing, ada dokumentasi atau tidak ada dokumentasi, ini mewujudkan satu kumpulan yang

menawarkan struktur kos lebih rendah yang mana memang peniaga tempatan kita tidak boleh bersaing.

"Ini kerana, mereka akan terus meletakkan harga jauh lebih rendah dan akan ada peniaga-peniaga atau orang ramai yang lebih gemar mendapat khidmat atau produk daripada mereka," katanya.

**"Mereka akan terus meletakkan harga jauh lebih rendah"**  
Rafizi

Rafizi juga memaklumkan, pada April akan datang, Majlis Tindakan Ekonomi Negara juga akan membincangkan mekanisme khusus bagi mengurangkan jumlah pekerja asing ini secara berkala.

"Dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang akan dibentangkan pada tahun hadapan akan meletakkan sasaran pengurangan jumlah pekerja asing

lebih drastik dan ketara," katanya.

Di peringkat dasar katanya, kerajaan akan membentangkan undang-undang Anti Ali Baba disebabkan sikap penduduk tempatan yang menyewa atau memberikan lesen perniagaan milik mereka kepada pendatang asing.

"Buat masa sekarang, kita tidak ada undang-undang khusus yang boleh diambil tindakan kepada penduduk tempatan.

"Pandangan kami, selain daripada struktur ekonomi itu perlu diperbetulkan dengan mengecilkan jumlah pekerja asing yang ada, kita juga perlu menegatkan undang-undang, antaranya melalui Akta Anti Ali Baba ini.

"Ia adalah menjadi ke-salahan untuk membolehkan pekerja asing menguasai perniagaan dan perusahaan atas nama orang tempatan yang menyebabkan keadaan seperti sekarang," katanya.